

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan

Bab pertama ini akan menjelaskan latar belakang kajian, permasalahan kajian, tujuan kajian, kepentingan kajian, kajian terdahulu, kerangka teori, kaedah kajian, dan persempahan. Penjelasan terhadap perkara-perkara asas seperti yang disebutkan tadi diharapkan dapat memberikan gambaran awal dan seterusnya memudahkan perbincangan terhadap kajian yang dibuat oleh pengkaji.

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Separuh abad terakhir ini telah memperlihatkan perkembangan teori yang pesat terutamanya di barat. Strukturalisme muncul sebagai pemula teori baru zaman moden, dan mendapat pengiktirafan selama dua dekad sebelum diruntuhkan oleh teori dekonstruksi. Kemudian muncul pula teori-teori yang dikenali sebagai teori pascamoden seperti semiotik, intertekstualiti, fenomenologi, resepsi, hermeneutik, feminism, psikoanalisis, pascakolonial, dan historisme baru. Kewujudan teori yang banyak ini telah menimbulkan situasi tepu teori (Abdul Rahman Yusof, 1997:1).

Sebelum ini, kebanyakan kajian ilmiah kesusastraan Melayu moden menggunakan teori-teori barat. Walau bagaimanapun, teori-teori yang ada ini difikirkan kurang sesuai dengan keadaan dan budaya rantau ini. Fenomena ini bukan hanya berlaku di negara ini malah di negara-negara lain seperti Afrika, Amerika

Latin, negara-negara timur tengah, India, Filipina, malah negara-negara lain yang pernah dijajah oleh Barat. Indonesia, misalnya, pernah mengusulkan pembinaan teori sastera mandiri dalam Temu Kritikus dan Sasterawan 1984 anjuran Dewan Kesenian Jakarta dengan kerjasama Direktorat Jeneral Kebudayaan Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia bertempat di Taman Ismail Marzuki (TIM) pada 12-16 Disember 1984. Subagio Sastrowardoyo dalam kertas kerjanya yang berjudul “Kesimpulan-kesimpulan Dari Pengalaman Menulis Kritik Sastera” menyatakan bahawa pendekatan-pendekatan dari Barat itu sebenarnya tidak sesuai dengan jiwa dan aspirasi kesusasteraan Indonesia. Sebuah pendekatan baru yang berjiwa Indonesia harus diwujudkan atau jika mahu juga menggunakan pendekatan-pendekatan itu banyak kerja saringan harus dibuat. Beliau juga mengusulkan bahawa kritik sastera harus dilandaskan pada pengamatan karya bangsa sendiri, bukan yang diambil dari Barat. Mana Sikana sendiri dalam makalahnya “Temu Kritikus dan Sasterawan 1984 Jakarta: Menyatukan Dua Buah Dunia yang Hampir Terpisah” (*Dewan Sastera*, Februari 1985;50-52)) menyatakan tentang keghairahan sesetengah kritikus muda mengaplikasikan pendekatan seperti dekonstruksi, strukturalisme, semiotik, resepsi, dan lain-lain lagi.

Hasrat untuk mempunyai teori sendiri ini bukan setakat berlegar dalam kalangan sarjana dan pengkaji kesusasteraan Melayu, malah terlebih dahulu bergema di kalangan para sejarawan, ahli antropologi dan sosiologi. Sejarawan, misalnya, berpendapat bahawa penulisan sejarah negara tidak harus dilihat dari kacamata barat dengan pendekatan-pendekatan yang berat sebelah tetapi harus ada anjakan paradigma dalam kajian dan pendekatan yang digunakan. Sebagai contoh, daripada kajian yang hanya berfokus pada sejarah kolonial dan kajian tentang tokoh-tokoh

besar sahaja kepada suatu kajian sejarah peribumi dan sejarah sosial.

Di kalangan sarjana dan pengkaji sastera tempatan, suara dan usaha pembinaan teori tempatan ini telah bermula sejak tahun 1971, apabila Sasterawan Negara, Shahnon Ahmad, mengemukakan konsep “sastera Islam kerana Allah, berhikmah untuk manusia” (*Dewan Bahasa*, Julai 1977). Ia semakin rancak pada tahun 1980-an apabila tulisan-tulisan beliau mendapat penilaianya daripada Kassim Ahmad, yang kemudiannya mencetuskan polemik antara mereka. Ismail Hamid, ketika memberikan “kata pengantar” untuk buku *Polemik Sastera Islam Kassim Ahmad-Shahnon Ahmad* (ed. Zahrah Ibrahim, DBP, 1987) telah memberikan suatu sorotan terhadap polemik ini. Menurut Ismail (1987:xii), sebagai memulakan polemik ini Kassim telah menulis dalam *Dewan Sastera* keluaran November 1982 dengan membuat kritikan terhadap pandangan Shahnon yang dibicarakan dalam bukunya *Kesusasteraan dan Etika Islam* (Fajar Bakti, 1981). Menurut Kassim tulisan Shahnon itu tidak memberi penyelesaian yang diperlukan tentang teori sastera Islam, ia hanya membicarakan tentang teologi dan sejarah Islam dan menyifatkan definisi Shahnon tentang konsep sastera Islam itu sebagai terlalu umum dan samar.

Seterusnya, Ismail Hamid (1987:xv) merumuskan:

Saya melihat bahawa Shahnon cuba menekankan tentang ketepatan definisi sastera Islam dengan unsur-unsur lahiriah dan batiniah. Shahnon lebih mengutamakan bahawa bukan sahaja kepada fenomena yang jelas wujud pada sebuah karya sastera itu, tetapi juga melihat lebih jauh kepada unsur-unsur dalaman yang mendorong kelahiran sebuah karya sastera itu. Menurutnya, ia harus bertunjang kepada konsep tauhid atau keimanan kepada Allah yang mencetuskan unsur estetika

keislaman di dalam jiwa pengarang yang tersebut. Hujah-hujah yang dikemukakan Kassim lebih menekankan unsur logika kerana agama Islam juga mementingkan akal dan logika. Amanat yang dibawa oleh Islam mengandungi nilai-nilai universal yang mungkin dapat dilahirkan atau dicetuskan oleh penulis-penulis bukan Islam. Kassim lebih untuk merealisasikan teori sastera Islam sebagai suatu teori sastera yang unggul dan sejagat yang boleh diamuti dan dikembangkan bukan sahaja oleh penulis-penulis Islam tetapi juga penulis bukan Islam dalam arena antarabangsa.

Pendekatan yang berdasarkan sastera Islam ini diikuti oleh Mohd. Affandi Hassan, Ali Ahmad, dan Shafie Abu Bakar. Usaha ini diikuti oleh sarjana-sarjana yang menekankan aspek-aspek yang lebih berbau Melayu, tidak ketinggalan yang bersifat bauran tempatan dan barat. Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2001:1) menyatakan bahawa usaha sarjana tempatan memperkenalkan teori tempatan ini adalah lantaran ketidaksesuaian beberapa teori barat terhadap budaya Melayu. Sebagai misalannya, teori hermeneutik itu berasal daripada ilmu pemahaman Bible sementara teori marxisme pula didasarkan kepada pemikiran marxisme yang menolak agama.

Menurut Abdul Rahman Yusof (1997:4) pula, sarjana-sarjana tempatan ini telah memikirkan dan mengusulkan beberapa teori yang sesuai dengan keadaan tempatan.

Mereka ini mengetengahkan pelbagai varian “teori” sastera - sastera Islam, sastera Tauhid, sastera Sufi, Takmilah, dan *Spiritual Hermeneutic*. Pada jalur yang lain, terdapat pula kecenderungan menekankan aspek Melayu dalam sastera kita, melalui “teori” Puitika Melayu dan “teori” Pengkaedahan Melayu – masing-masing dikemukakan oleh Muhammad Haji

Salleh dan Hashim Awang. Satu jalur lagi mengambil inspirasi dari teori sastera internasional. Hasil dari pembacaannya terhadap beberapa teori itu, Mana Sikana merumuskan “teori” yang diberi nama teksdealisme.

Dalam kajian ini, pengkaji akan mengetengahkan sebuah kajian yang bertajuk “Novel-Novel Anwar Ridhwan: Penerapan Terhadap Teori Teksdealisme”. Dengan adanya kajian ini diharap dapat menambah jumlah kajian yang ada di samping menambah keyakinan khalayak terhadap teori tempatan.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Dalam budaya kesusteraan Melayu, proses kreatif seseorang pengarang itu seolah-olah menjadi rahsia peribadi pengarang-pengarang yang berkenaan sahaja. Proses kepengarangan ini jarang-jarang dibincang dan dikaji secara mendalam. Khalayak sastera hanya disuakan dengan hasil tulisan, tetapi tidak ramai yang mengetahui bagaimana seseorang pengarang itu menerapkan idea dan pengalaman untuk mencipta sesebuah karya itu. Akibatnya, khalayak terutamanya penulis dan peminat sastera generasi baru tidak dapat berkongsi pengalaman yang berguna ini.

Kajian terhadap teks-teks sastera yang berdasarkan teori teksdealisme juga amat kurang. Oleh yang demikian, pengkaji merasakan kajian terhadap novel-novel Anwar Ridhwan dengan menerapkan teori ini wajar dilakukan. Tambahan pula, sebelum ini novel-novel Anwar juga kurang mendapat perhatian dan kajian yang mendalam daripada pengkaji tempatan. Drama-drama dan cerpen-cerpen beliau mendapat perhatian yang lebih luas. Dalam bidang novel, misalnya, Abdullah Tahir pernah menulis makalah yang bertajuk “Meneliti Novel-Novel Malaysia 1980-an”

(*Dewan Sastera*, Ogos 1985:59-67), dan menyebut nama Anwar Ridhwan sebagai “antara beberapa penulis muda yang baru muncul” (hlm. 59), tetapi beliau tidak membincangkan novel-novel Anwar seperti *Arus* dan *Di Negeri Belalang* yang masing-masingnya diterbitkan pada tahun 1985 dan 1989 itu.

Anwar Ridhwan merupakan seorang pengarang besar Malaysia. Karya-karya beliau sering mendapat pengiktirafan seawal penglibatan beliau dalam dunia penulisan. Dalam konteks penulisan novel, *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* (DBP, 1979) mendapat hadiah pertama Sayembara Mengarang Novel anjuran GAPENA- Yayasan Sabah pada tahun 1979. Novel kedua beliau, *Arus*, (Pustaka Cipta, 1985), memenangi Hadiah Sastera Malaysia tahun 1984/85. Novel ketiga beliau, *Di Negeri Belalang* diterbitkan oleh Marwiliis Publishers pada tahun 1989. Walau bagaimanapun, belum ada kajian dilakukan untuk melihat atau membuat perbandingan terhadap novel-novel ini untuk mengukur keunggulan kepengarangan penerima Anugerah S.E.A. Write daripada Kerajaan Thailand tahun 2001 ini. Oleh yang demikian, suatu kajian kepengarangan Anwar Ridhwan wajar dilakukan untuk membuktikan sejauh mana keunggulan beliau dalam menghasilkan karya mahupun teks yang unggul. Sebagai teori tempatan, teori teksdealisme adalah teori yang difikirkan tepat untuk diterapkan terhadap teks-teks tersebut untuk mengukur tahap keunggulan Anwar Ridhwan sebagai pengarang sesuai dengan saranan Subagio Sastrowardoyo (1984) yang mengatakan bahawa kajian ataupun kritik sastera itu “harus dilandaskan pada pengamatan karya bangsa sendiri, bukan diambil dari Barat”.

### **1.3 Tujuan Kajian**

Kajian yang menerapkan teori teksdealisme setakat ini pun kebanyakannya dilakukan oleh pelajar Mana Sikana, pengasas teori ini di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Sebagai misalannya kajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Norlina Shahidan (1997) telah membuat suatu kajian yang bertajuk “Drama-drama Shaharom Hussain: Satu Kajian Analisis Teori Teksdealisme”, dan kajian yang dibuat oleh Asmaniza Mohammad Ramli (1996) yang bertajuk “Noordin Hassan: Kritikan dengan Teori Teksdealisme”. Di peringkat Ijazah Sarjana Sastera (Kertas Sarjana Sastera, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia) pula, kajian yang menggunakan teori ini pernah dibuat oleh Rohizani Yakob (1997) dengan tajuk kajian “Drama-drama Ismail Kassan: Satu Analisis Teksdealisme” dan yang dibuat oleh Rajjee Hadi (1997) yang bertajuk “Kepengarangan T. Alias Taib: Satu Kajian Teksdealisme”. Mereka ini merupakan pelajar ijazah pertama mahupun calon ijazah tinggi di bawah seliaan Mana Sikana.

Antara faktor yang menyumbang ke arah berlakunya situasi ini ialah kurangnya kesedaran tentang kewujudan teori yang berkenaan di samping ketidakyakinan, dan ketidakmahiran khalayak untuk menggunakannya. Justeru itu, kajian yang menerapkan teori ini wajar digalakkan dan diperbanyakkan, dengan tujuan melihat kesesuaianya dengan suasana iklim sosiobudaya sastera tempatan seperti yang diharapkan.

Walaupun setakat ini sudah ada usaha untuk melakukan kajian terhadap Anwar Ridhwan dan karya-karyanya tetapi belum ada yang jelas memperlihatkan keunggulan beliau khususnya dalam bidang novel. Penerapan teori teksdealisme

dalam kajian ini difikirkan amat sesuai untuk tujuan ini.

Di samping itu, dengan memperbanyakkan kajian yang menggunakan teori yang dikatakan ‘baru’ dan belum ‘mantap’ ini diharapkan dapat menyumbang ke arah lampas fikiran (*brain storming*) dan perbahasan positif dan membina agar ia mendapat pengiktirafan yang secara kolektif sifatnya. Diharapkan dengan adanya kajian yang seumpama ini, akan muncul teori sastera tempatan yang dapat diperakui dan seterusnya dapat pula diketengahkan ke peringkat antarabangsa.

#### **1.4 Kepentingan Kajian**

Dengan adanya kajian ini diharapkan dapat menjadi penghubung yang akan memudahkan khalayak sastera – peminat, pengkaji, penulis generasi muda – untuk mengenali, memahami, serta menguasai proses penciptaan karya Anwar Ridhwan. Ia penting kerana pengalaman pengarang mapan ini dapat dimanfaatkan oleh golongan pelapis untuk melahirkan karya-karya sendiri pada masa-masa yang akan datang. Pemahaman terhadap pengalaman pengarang mapan ini dapat dijadikan pemangkin kepada seseorang penulis muda untuk meningkatkan minat, dan penguasaan mereka terhadap segala macam kerencaman dalam proses penciptaan karya sebelum ia mencapai tahap keunggulan. Kesedaran pengarang generasi muda terhadap peranan seorang pengarang yang bukan setakat berkarya demi kelangsungan sastera itu semata-mata, tetapi harus diiringi dengan keberanian dan kebijaksanaan untuk melahirkan karya besar yang dapat dipertanggungjawabkan itu penting dan patut disemai dalam jiwa mereka sebelum mereka melibatkan diri dalam dunia penulisan. Selain itu, kajian seperti ini penting sebagai khazanah yang amat berharga yang dapat dijadikan rujukan pada masa akan datang.

## 1.5 Kajian Terdahulu

Seperti yang telah ditegaskan, kajian terhadap Anwar Ridhwan dan karya-karya beliau khususnya novel belum begitu menggalakkan. Kajian yang dibuat lebih tertumpu pada bidang drama dan cerpen, dan kajian-kajian itu pula menggunakan pendekatan lain. Tulisan, mahupun sorotan yang disiarkan sama ada melalui suratkhabar, majalah, ataupun makalah-makalah yang dibicarakan melalui diskusi buku, bengkel, seminar, dan majlis-majlis ilmu yang seumpamanya ini juga agak terhad, mengikut keperluan ruang dan kehendak pihak penganjur.

Proses kreatif Anwar Ridhwan pernah ditulis oleh Sahlan Mohd Saman yang dimuatkan dalam *Jambak* 2 (1993) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Dalam Kolokium Kesusteraan Melayu Moden II (1999) anjuran Bahagian Kesusteraan Moden, Dewan Bahasa dan Pustaka, Amida@ Hamidah Hj. Abdulhamid membentangkan kertas kerjanya yang bertajuk “Abdul Talib Hassan, Fatimah Busu, dan Anwar Ridhwan: Nada dan Ritme Tiga Wajah”. Dalam kertas kerja ini, Amida memperkatakan cerpen-cerpen Anwar yang dimuatkan dalam kumpulan cerpennya yang berjudul *Sangkar* (DBP, Kuala Lumpur, 1986). Antara lainnya, Amida membincarakan tentang kepelbagaiannya ritme dan nada kepengarangan Anwar yang penuh dengan unsur kejutan, cemas dan pemikiran yang membuat “dada berdebar dan menuntut akal berfikir” (hl. 14). Dalam siri kolokium yang sama pada tahun 2000, sekali lagi Amida membincarakan karya Anwar Ridhwan bersama-sama pengarang lain, yang bertajuk “Tarian Sebagai Metafora dalam *Warisan* dan Enigma Kewujudan

dalam *Arus*". Kali ini Amida menekankan keperihalan erti sebuah kewujudan watak itu sendiri seperti Pawang Kri dan Muslim, yang menurut Amida Pawang Kri itu lebih yakin tentang kewujudan dirinya berbanding Muslim. Pawang Kri bersedia menyesuaikan dirinya hidup terasing di seberang Sungai Usar apabila dihalau oleh Lebai Amrah, tetapi tidak demikian dengan Muslim. Dia sebaliknya mengalih perhatiannya dengan memburu buaya di Sungai Usar apabila dia dituduh terlibat dalam skandal wang di bank tempatnya bekerja.

Sebuah lagi kertas kerja yang bertajuk "Perkembangan Cerpen Melayu 1980-1989: Kesinambungan dan Perubahan" tulisan Hashim Ismail juga turut membicarakan cerpen-cerpen Anwar yang dihasilkan dalam tempoh waktu kajian. Sekali lagi kumpulan cerpen Anwar, *Sangkar* (1986) menjadi teks kajian. Selain itu, Mohamad Saleeh Rahamad membentangkan kertas kerja, "Novel Melayu 80-an: Pemantapan Jati Diri" dalam kolokium yang sama. Secara sepintas lalu, Saleeh menyentuh tentang novel *Di Negeri Belalang* (Marwilis Publisher, Shah Alam, 1989) yang menurutnya berbeza daripada novel-novel pada waktu itu dari segi teknik penceritaannya (2000:22).

Daripada sudut yang lebih ilmiah, mengikut penelitian pengkaji melalui senarai kajian, khususnya yang terdapat di Perpustakaan Universiti Malaya, belum terdapat suatu kajian tentang Anwar Ridhwan yang menggunakan teori teksdealisme. Berdasarkan senarai tersebut, yang ada hanyalah beberapa kajian tentang pengarang ini yang melihat karya-karya beliau dari aspek tema, plot, teknik, dan yang berkaitan gaya bahasa pengarang ini. Sepanjang yang dapat dikesan di perpustakaan ini hanya terdapat tiga (3) latihan ilmiah. Kajian Norashikin Yahya (1981) yang bertajuk "Plot

Novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*” membicarakan novel ini dari aspek plot sahaja. Dua buah lagi kajian yang menggunakan novel Anwar Ridhwan sebagai teks kajian ialah yang dilakukan oleh Ahmad Mahmood Musanif (1985) yang bertajuk “Kajian Bahasa dalam Novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*”, dan sebuah lagi ialah “Dua Buah Novel Anwar Ridhwan: Satu Pembicaraan Gaya Bahasa” oleh Khatiran Doraisamy (1988). Kajian-kajian ini hanya menyorot gaya bahasa dan tidak mengarahkan perbincangan pada keunggulan pengarang dan teks yang dihasilkannya.

Kajian terhadap karya-karya Anwar di peringkat Ijazah Sarjana Muda juga ditemui di Perpustakaan Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Nik Radziah Nik Lah (1980), mengkaji aspek struktural dengan judul kajian “Tema dan Teknik Persembahan Cerpen-cerpen Anwar Ridhwan”. Kajian-kajian lain yang terdapat di universiti tersebut ialah “Cerpen-cerpen Anwar Ridhwan dan Umar Kayam: Satu Analisis Perbandingan” oleh Madzrib Ibrahim (1982), “Gambaran Kehidupan Masyarakat Melayu dalam Karya-karya Anwar Ridhwan” oleh Aribah Abd. Rahman (1987), “Konsep Keindahan dalam Novel-Novel Pilihan Arenawati dan Anwar Ridhwan” oleh Kong Chong Sing (1989), dan “Novel-Novel Anwar Ridhwan dan Dharmala N.S : Satu Analisis Perbandingan dari Sudut Psikologi” oleh Norasmah Ab. Rahim (1991/1992). Norasmah Ab. Rahim membandingkan novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* dan *Arus* oleh Anwar Ridhwan dengan novel *Jejak Pulang* dan *Ketuhanan* oleh Dharmala N.S. Perbandingan dibuat dari aspek tema, latar, bahasa dengan menggunakan pendekatan psikologi Sigmund Freud dan Carl Jung.

Di Universiti Putra Malaysia pula terdapat tiga (3) buah kajian, juga di peringkat Ijazah Sarjana Muda (Pendidikan). Zakaria Ab. Rahman (1991) mengkaji “Kesesuaian Novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* Sebagai Teks Pegangan Kesusasteraan Melayu bagi Peringkat Menengah Atas: Satu Cadangan” yang melihat aspek struktur, nilai kemanusiaan dan gaya bahasa serta kesesuaiannya dengan objektif pendidikan kesusasteraan di peringkat menengah atas (tingkatan 4 dan 5). Sebuah lagi kajian dilakukan oleh Hanisura Abd. Ghani (1998) yang bertajuk “Imbuhan Kata Kerja dalam *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* karya Anwar Ridhwan: Satu Tinjauan dari Sudut Makna” yang melihat bentuk, jenis, fungsi dan makna imbuhan kata kerja. Tujuan utamanya ialah untuk melihat sejauh mana penggunaan imbuhan kata kerja dalam novel ini mampu mendukung makna yang disampaikan pengarang. Zaliha Bidin (1999) pula menganalisis aspek kemasyarakatan yang terdapat dalam tiga buah novel Anwar iaitu *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*, *Arus*, dan *Di Negeri Belalang*, dengan tajuk kajian “Masyarakat dalam Novel Anwar Ridhwan: Analisis Aspek Nilai”. Pengkaji menggunakan pendekatan sosiologi, moral, dan psikologi.

Pengaplikasian teori teksdealisme secara khusus (tetapi tentang karya pengarang lain) dapat diketemukan dalam kajian latihan ilmiah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, yang dibuat oleh Norlina Shahidan (1997) yang bertajuk “Drama-drama Shaharom Hussain: Satu Kajian Analisis Teori Teksdealisme”, dan kajian yang dibuat oleh Asmaniza Mohammad Ramli (1996) yang bertajuk “Noordin Hassan: Kritikan dengan Teori Teksdealisme”.

Kajian di peringkat Sarjana Sastera (Kertas Projek Sarjana Sastera, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia) pula dibuat oleh Rohizani Yakob (1997) dengan tajuk kajian “Drama-drama Ismail Kassan: Satu analisis Teksdealisme”, dan yang dilakukan oleh Rajee Hadi (1997) yang bertajuk “Kepengarangan T. Alias Taib: Satu Kajian Teksdealisme”. Satu kajian yang khusus menerapkan teori teksdealisme terhadap drama Anwar Ridhwan dilakukan oleh Khatijah Ismail (2000) yang bertajuk “*Orang-orang Kecil*: Satu Kajian Teksdealisme”. Jelas, penggunaan teori teksdealisme ini lebih tertumpu pada kajian dalam bidang drama.

Saroja Theavy Balakrisnan (Disertasi Sarjana Sastera, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 2000) juga menerapkan teori ini dalam kajian beliau yang bertajuk “Citra Watak Remaja dalam Novel-Novel Othiman Puteh”. Rozana Hashim (Kertas Projek Sarjana Sastera, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (2002), juga membuat kajian dengan menggunakan teori teksdealisme. Kajian beliau bertajuk “Novel-Novel A. Samad Said: Interpretasi Teksdealisme”.

Walau bagaimanapun, kajian yang menerapkan teori teksdealisme terhadap novel-novel Anwar Ridhwan belum diketemukan setakat ini. Oleh yang demikian, sebagai usaha awal, pengkaji merasakan teori teksdealisme ini bertepatan digunakan untuk menganalisis novel-novel Anwar Ridhwan untuk melihat keunggulan teks dan pengarangnya.

## 1.6 Kerangka Teori

Teori teksdealisme diasaskan oleh Abdul Rahman Napiah (Mana Sikana) mantan pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Teksdealisme merupakan rangkuman dua patah perkataan iaitu “teks” dan “idealisme” yang mendefinisikan teks sebagai susunan idea dan pengalaman yang mengandungi makna yang berlapis-lapis dengan mempunyai sifat-sifat ideal ataupun keunggulannya. Teks yang unggul membawa maksud makna bahawa sesebuah teks itu memiliki nilai dan mutu yang tinggi. Oleh sebab itu, teori ini juga dikenali sebagai teori keunggulan (Mana Sikana, 1996: 75 ).

Teori ini mengusulkan bahawa penilaian terhadap sesebuah karya itu harus berpaksikan tiga (3) faktor, iaitu pengarang, teks, dan khalayak (Abdul Rahman Napiah, 1996:95). Falsafah teori teksdealisme ialah bahawasanya setiap pengarang itu mempunyai hasrat untuk melahirkan karya yang bermutu; karya yang memiliki nilai yang tinggi, yang memiliki nilai keunggulan, serta mampu menyaingi teks-teks yang telah sedia ada, sama ada yang dihasilkannya sendiri mahupun oleh pengarang lain. Untuk sampai ke tahap keunggulan itu, seseorang pengarang itu harus berani mengemukakan idea dan pemikiran yang baharu, dan bersedia pula untuk melakukan inovasi dan pembaharuan. Dalam usaha ini, pengarang seharusnya memiliki kebijaksanaan, iaitu sifat yang mendorong pelaksanaan ataupun penciptaan teks dengan penuh kesedaran dan tanggungjawab, dan bergerak dalam landasan keilmuan. Tanpa keberanian dan kebijaksanaan, teks-teks yang dihasilkan akan tetap bergerak dalam lingkungan tradisinya yang klise dan tidak akan mencapai taraf *new grand narrative* yang di dalamnya tersembunyi pemikiran-pemikiran besar ataupun ideologi yang bersifat ontologikal.

Maná Sikana menggariskan empat prinsip utama yang dapat dijadikan kaedah untuk diterapkan dalam mengkaji dan menganalisis dari sudut pengarang, teks, dan khalayak. Oleh yang demikian, dalam teori ini interaksi yang dinamik berlaku antara pengarang, teks, dan khalayak. Masing-masing mempunyai kaitan dan peranan yang akhirnya akan tiba pada pemaknaan, sama ada masing-masing memiliki keunggulan, kurang unggul, ataupun tidak unggul. Kehadiran pengalaman dalam ketiga-tiga aspek inilah yang akan menentukan tahap keunggulan masing-masing.

Empat prinsip itu ialah kehadiran, perlanggaran, pengukuhan, dan keperibadian/individualisme.

#### 1.6.1 Prinsip Kehadiran

Menurut Maná Sikana (1996:103), kehadiran yang dimaksudkan dalam teksdealisme ialah kehadiran pengalaman. Asas teori ini menekankan kepentingan pengalaman yang dialami oleh pengarang kerana pengalaman tersebut akan mempengaruhi daya kreativitinya. Pengalaman boleh diperolehi melalui bayangan, ingatan, kenangan, kutipan, pengaruh, pembacaan, pemerhatian, pengamatan, kajian dan penyelidikan, dan apa sahaja unsur yang hadir termasuk yang bersifat konseptual dan kontekstual.

Teori teksdealisme menegaskan bahawa teks sastera itu tidak lain daripada idea dan pengalaman. Idea ialah lintasan-lintasan pemikiran yang bergema dalam kesedaran pengarang. Ia mengembang, mematang, dan akhirnya dijelmakan oleh pengarang dalam bentuk teks. Pengalaman merupakan sumber yang mencetuskan

idea. Sesebuah teks tidak akan terbina tanpa kehadiran pelbagai bentuk pengalaman. Idea, pengalaman, pembentukan teks, penilaian dan pemaknaan teks semuanya bergerak atas landasan kehadiran. Khalayak akan cuba mencari dari manakah sumber pengalaman pengarang. Pengalaman khalayak akan turut teruji apabila mendepani sesebuah teks. Pengalaman yang luas akan memudahkan khalayak memahami, menghayati, dan seterusnya menilai tahap keunggulan teks yang dibacanya.

### 1.6.2 Prinsip Perlanggaran

Perlanggaran dalam teori teksdealisme didefinisikan sebagai suatu proses penciptaan dinamik untuk mencari pembaharuan dalam berkarya. Ia memperlihatkan nilai perimbangan antara yang diubah dan dikekalkan dalam setiap aspek yang berhubungan dengan dunia penciptaan dalam usaha mencapai keunggulan teks. Justeru, tujuan utama prinsip perlanggaran adalah untuk menunjukkan kesedaran pengarang dalam mencipta karya-karya yang unggul dan dapat pula memperlihatkan taraf keunggulannya sebagai pengarang. Pengarang harus mempunyai kebijaksanaan dan keberanian untuk mendukung usaha penglahiran teks yang bersifat *avant-garde*, *arriegarde* dan unggul.

Teori teksdealisme juga meletakkan prinsip ini sebagai suatu kaedah untuk menganalisis sesebuah teks untuk memperlihatkan sifat-sifat keunggulannya. Kaedah analisis prinsip perlanggaran ialah pertama, apakah aspek pengekalan dan perubahan yang dilakukan oleh pengarang? Kedua, bagaimana prinsip perlanggaran itu dilakukan? Ketiga, apakah fungsi dan kesannya terhadap pembinaan teks tersebut?

### 1.6.3 Prinsip Pengukuhan

Pengukuhan merupakan usaha pematangan, pengejapan dan penyempurnaan dalam berkarya. Pengarang yang memiliki nilai-nilai keunggulan tidak akan pernah berasa puas dengan teks yang dihasilkannya. Pengarang akan melakukan pembetulan demi pembetulan, pengejapan demi pengejapan terhadap teks yang diusahakannya. Pengarang tidak akan membenarkan dirinya berada terus-menerus di bawah teks yang lemah atau bayang-bayang kelemahan teks pengarang lain. Ini bermaksud berlaku proses pembinasan terhadap teks yang lemah dan proses pembinaan teks yang unggul ( Mana Sikana, 1998:318).

Aspek pengukuhan menganalisis dan memperlihatkan tiga perkara. Pertama, apakah usaha pengukuhan yang dilakukan pengarang? Kedua, menjelaskan bagaimana prinsip pengukuhan dilakukan? Ketiga, apakah fungsi dan kesan pengukuhan tersebut?

### 1.6.4 Prinsip Keperibadian/ Individualisme

Prinsip ini ialah analisis terakhir teori teksdealisme (Mana Sikana, 1996:148), dan merupakan kemuncak perbincangan terhadap sesebuah teks atau seseorang pengarang. Falsafah teori teksdealisme dalam prinsip keperibadian ini menegaskan bahawa setiap pengarang harus berusaha untuk menghasilkan atau menciptakan sifat keperibadian masing-masing.

Prinsip keperibadian akan menganalisis dan memperlihatkan empat faktor utama. Pertama, apakah usaha pengarang untuk mencapai tahap keperibadiannya? Kedua, menjelaskan sifat-sifat keperibadiannya. Ketiga, bagaimana prinsip

keperibadian itu dilakukan pengarang? Keempat, membicarakan kedudukan atau posisi kepengarangannya.

### **1.7 Skop dan Bahan Kajian**

Kajian ini dibuat berdasarkan tiga (3) buah novel Anwar Ridhwan iaitu *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*, *Arus*, dan *Di Negeri Belalang*. Kajian ini merupakan penerapan teori teksdealisme yang diasaskan oleh Abdul Rahman Napiah (Mana Sikana) terhadap ketiga-tiga buah novel tersebut. Pengkaji akan menggunakan keempat-empat prinsip iaitu kehadiran, perlanggaran, pengukuhan, dan keperibadian, untuk melihat sejauh mana pengarang dan teksnya menepati tuntutan teori teksdealisme ini.

### **1.8 Kaedah Kajian**

Pengkaji akan melaksanakan kajian ini dengan menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan, kaedah analisis dengan merujuk sumber sekunder yang telah ditulis oleh sarjana lain sama ada yang sudah diterbitkan/ dicetak ataupun yang berbentuk eceran seperti makalah dan sebagainya di samping menggunakan teks yang dikaji (novel) sebagai sumber primer untuk menyokong hujah. Secara keseluruhannya, kajian dijalankan dalam lima peringkat seperti berikut:

1.8.1 Perancangan;

1.8.2 Pengumpulan data/bahan kajian;

1.8.3 Analisis dan penilaian data;

1.8.4 Wawancara;

1.8.4 Penulisan.

## **1.9 Persembahan**

Kajian ini akan dibahagikan kepada enam (6) bab. Bab 1 akan menjelaskan latar belakang kajian, tujuan, permasalahan kajian, kepentingannya, tujuan, dan kaedah kajian. Bab ini akan dapat memudahkan perbincangan.

Bab 2 membincangkan teori teksdealisme – latar belakang pembinaannya, pengasasnya, serta prinsip-prinsip yang terdapat dalam teori tersebut, iaitu prinsip kehadiran, perlenggaran, pengukuhan, dan keperibadian/individualisme.

Bab 3 pula difokuskan pada latar belakang pengarang yang dikaji, kepengarangan dan teksnya, iaitu Anwar Ridhwan. Ini termasuklah latar hidupnya semasa kecil, pendidikannya, penglibatan awal beliau dalam dunia penulisan, karya-karya beliau, pandangan-pandangan sarjana lain tentang beliau, serta pengiktirafan-pengiktirafan/anugerah yang pernah diterimanya.

Bab 4 ialah penerapan prinsip kehadiran dan perlenggaran terhadap novel-novel Anwar Ridhwan berdasarkan tuntutan penganalisisan prinsip yang berkenaan. Bab ini akan memperlihatkan unsur-unsur kehadiran yang ada pada diri pengarang yang seterusnya mempengaruhi daya kreativiti beliau. Bab ini juga memperlihatkan unsur-unsur perlenggaran yang dilakukan pengarang dalam usahanya menghasilkan karya yang unggul.

Bab 5 ialah penerapan prinsip pengukuhan dan keperibadian. Bab ini akan menganalisis novel Anwar berdasarkan garis panduan yang disediakan dalam

prinsip-prinsip yang berkenaan.

Bab 6 ialah kesimpulan terhadap kajian yang telah dijalankan. Pengkaji akan mengemukakan dapatan-dapatan hasil daripada kajian tersebut.